

# Malaysia sedia curah pengalaman bangun Afghanistan

UM-5/6/2007

PUTRAJAYA 4 Jun - Malaysia sedia mencurahkan pengalamannya untuk dikaji oleh Afghanistan dalam usaha negara itu mewujudkan suasana yang dapat merangsang sektor swasta memberi sumbangan berkesan ke arah mewujudkan pembangunan bentuk baru di negara berkenaan pada masa akan datang.

Ketika membuat tawaran itu, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata Afghanistan boleh mengambil iktibar daripada pengalaman Malaysia dan memilih apa yang paling baik untuk negara itu.

"Seperti Malaysia, Afghanistan juga mampu mengubah kedudukannya daripada sebuah ekonomi berasaskan pertanian kepada sebuah pusat pembuatan berintensifkan buruh dan akhirnya bergerak ke arah sektor pembuatan yang menggunakan teknologi tinggi, kemahiran dan berintensifkan modal," kata Perdana Menteri dalam ucap utama beliau melalui persidangan video secara langsung dari tempat berlangsungnya persidangan mengenai Perwujudan Persekita-

ran - Sumbangan Berkesan Sektor Swasta Dalam Pembangunan Afghanistan - di Kabul hari ini.

Beliau berkata memandangkan pertanian kini merupakan sektor yang mewujudkan paling banyak peluang pekerjaan, maka adalah paling wajar bagi Afghanistan memulakan usahanya dengan mengkaji cara terbaik yang boleh mencergaskan semula sektor pertaniannya memandangkan sebahagian besar kawasan pertanian di negara itu mengalami kemusnahan akibat peperangan.

Lagipun, kata Abdullah, sebelum Afghanistan diduduki kuasa asing pada akhir 1979, negara itu sentiasa mencapai tahap sara diri dalam bidang pertanian.

Perdana Menteri berkata Malaysia juga sedia meluaskan bidang kerjasama antara kedua-dua negara dengan menyediakan tempat latihan bagi pelajar Afghanistan menimba ilmu di negara ini melalui Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP).

"Kami boleh beri tumpuan terhadap modul latihan yang mempunyai kaitan de-

ngan usaha untuk memodenkan sektor pertanian di Afghanistan," kata beliau.

Abdullah berkata Malaysia mempunyai banyak pengalaman dalam usaha memajukan perusahaan kecil dan sederhana (SMEs) dan sedia berkongsi pengetahuan ini dengan Afghanistan.

"Afghanistan boleh mendapat tempat tersendiri di pasaran antarabangsa, terutama bagi produk khusus seperti permaidani hasil tenunan tangan," kata beliau.

Perdana Menteri juga berkata bahan galian yang masih belum diteroka merupakan satu lagi sumber kekayaan yang berpotensi untuk dimanfaatkan oleh Afghanistan.

Sejajar dengan itu, suasana yang memudahkan semua kemungkinan perlu diwujudkan terlebih dulu oleh negara itu sebelum ia menarik pengusaha asing untuk melabur dalam sektor perlombongannya, kata Abdullah.

Perdana Menteri berkata model pembangunan yang diamalkan Malaysia adalah berdasarkan falsafah pertumbuhan bersama ekuiti, atau lebih tepat lagi,

pertumbuhan bersama pengagihan sama rata.

"Ini amat penting bagi masyarakat majmuk seperti yang wujud di Malaysia. Kami menjadikan Islam sebagai faktor penyatu, bukan alat untuk memecahbelahkan penduduk Malaysia yang terdiri daripada penganut pelbagai agama dan Malaysia menamakan pendekatan ini sebagai Islam Hadhari.

"Ajaran Islam menjadi asas dan sumber inspirasi bagi semua tindakan kami yang bertujuan mewujudkan agihan secara sama rata bagi semua rakyat Malaysia, tidak kira sama ada mereka umat Islam atau bukan," kata beliau.

Abdullah berkata cabaran yang dihadapi oleh Malaysia sekarang ialah untuk memastikan kekayaan negara sentiasa diagihkan secara sama rata kerana ketidak-samaan dari segi pencapaian ekonomi terus wujud dalam kalangan rakyatnya.

Cabaran ini bukan sahaja wujud di Malaysia, tetapi juga di Afghanistan, kata beliau.

- Bernama